

Contoh Transkripsi Fonemik

/ # saman henda?lah disampaikan sendiri oleh mahkamah rendah kepada difendan # tida? kurang daripada empat belas hari sebelum pengembalian saman melaenkan mahkamah memerintahkan selainna # orang yang menyampaikan saman dikahendaki membuat catatan yang mengandungi butiran butiran seperti tarikh dan hari saman disampaikan # dimana dan bagaimana pengampaian saman dibuat serta kepada siapa saman disampaikan # setelah saman disampaikan dan catatan pengampaian dibuat # pendaftar harus memberi notis kepada plentif atau peguamnya mengenai hal itu dan mengenai cara saman disampaikan # /

Petikan 3

Setiap pekongsi adalah wakil bagi firma dan pekongsi-pekongsi yang lain bagi maksud perniagaan perkongsian itu: dan tindakan setiap pekongsi yang melakukan apa-apa tindakan untuk menjalankan secara yang lazim jenis perniagaan yang dijalankan oleh firma itu yang dia menjadi ahli, mengikut firma dan pekongsi-pekongsinya, kecuali jika pekongsi-pekongsinya yang bertindak itu pada hakikatnya tidak mempunyai kuasa bertindak untuk firma dalam perkara tertentu itu, dan orang dengan siapa dia berurusan itu tahu atau percaya bahawa dia seorang pekongsi.

(Dipetik daripada Shaik Mohd. Noor Alam
S.M. Hussain, 1987. *Undang-undang Perniagaan*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman 27)